



## Modal insan, daya saing dan prestasi usahawan wanita di Malaysia: Analisis kualitatif usahawan wanita bumiputera di Melaka

Nor Azira Ayob<sup>1</sup>, Sity Daud<sup>1</sup>, Muhamad Takiyuddin Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Correspondence: Nor Azira Ayob (email: zira2212@yahoo.com)

### Abstrak

Artikel ini membincangkan hasil dapatan kualitatif yang diperoleh daripada lima orang informan utama terhadap faktor yang mempengaruhi prestasi usahawan wanita Bumiputera yang berdaftar dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di negeri Melaka. Institusi memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat, pembangunan sumber manusia dari sudut kemahiran, kebolehan, kreativiti, memberi bantuan kewangan dan bukan kewangan terutamanya dalam pembangunan prestasi dan kejayaan pengusaha. Justeru, penekanan terhadap pembangunan modal insan dan daya saing dilihat sebagai faktor penting dalam memastikan pengusaha mampu bersaing dalam pasaran masa kini. Dalam konteks pembangunan sosioekonomi negara, golongan wanita dilihat mampu untuk menyumbang ke arah peningkatan ekonomi dalam negara melalui perusahaan yang diceburi mereka. Lantaran, penekanan terhadap faktor modal insan dan daya saing dalam kalangan golongan wanita dilihat penting. Hal ini kerana, membolehkan usaha kerajaan dilakukan selaras dengan faktor yang paling mempengaruhi prestasi pengusaha. Bagi tujuan ini, temubual secara berstruktur telah dilakukan ke atas lima orang informan. Hasil temubual mendapati pengusaha wanita lebih memerlukan bantuan prasarana dan infrastruktur di samping aspek pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, bantuan kewangan dan kreativiti.

**Katakunci:** bantuan infrastruktur, daya saing, usahawan wanita bumiputera, modal insan, peranan institusi, prestasi usahawan

## Human capital, competitiveness and the performance of woman entrepreneurs in Malaysia: A qualitative analysis of indigenous woman entrepreneurs of Melaka

### Abstract

Institutions play an important role in a nation's human resource development by enhancing entrepreneurial skills, abilities and creativity, and by extending financial and other non-financial assistance to help enhance the performance of entrepreneurs. This study was a qualitative evaluation of five key women entrepreneurs who were registered with Majlis Amanah Rakyat (MARA), a human resource development institution, in Melaka. The focus was on human capital development and competitiveness. The findings revealed that the most influential factors of the woman entrepreneurial performance were facilities and infrastructure assistance followed by education and training, experience, financial assistance and creativity.

**Keywords:** *bumiputera* woman entrepreneurs, competitiveness, entrepreneurial performance, human capital, infrastructure assistance, institutional role

## Pengenalan

Dalam usaha menghasilkan pengeluaran, usahawan dilihat sebagai faktor penting yang mampu untuk merancang strategi atau usaha perniagaan bagi menghasilkan faedah ekonomi dan keuntungan. Oleh yang demikian, faktor modal insan dan daya saing adalah sangat diperlukan bagi memupuk sikap keusahawanan dalam diri individu. Justeru, dengan modal insan dan daya saing yang tinggi mampu menggerakkan segala aktiviti keusahawanan dengan peranan yang dimainkan oleh pihak institusi bagi meningkatkan lagi prestasi dan kejayaan pengusaha. Menurut Suraiya & Ahmad Raflis (2015), usahawan merupakan pengasas perniagaan dan sebagai individu yang melakukan inovasi, iaitu kegiatan atau usaha yang membawa perubahan kepada pembangunan ekonomi di samping proaktif, inovatif dan pengambilan risiko serta mempunyai kebolehan untuk melihat, mengawal, merebut dan mewujudkan peluang baharu dengan kesediaan menghadapi kemungkinan risiko atau kerugian.

Justeru, bidang perniagaan dan keusahawanan adalah antara bidang yang mampu untuk menjana keuntungan yang lumayan, menyumbang kepada peningkatan pendapatan perkapita, malah turut bertindak sebagai mekanisma perubahan kepada struktur sosial masyarakat dengan keupayaan untuk membuka peluang pekerjaan disamping mampu untuk mengurangkan masalah kemiskinan (Isma Addi & Mohamad Zahir, 2011; Rahmah, 2012; Rosman & Mohd Rosli, 2011; Suhaila et al., 2014). Lantaran itu, bidang keusahawanan dilihat mampu memberikan kesan yang positif dalam pembangunan ekonomi negara. Bagi mewujudkan percambahan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan, aspek modal insan dan daya saing adalah dilihat perlu diterapkan bagi memupuk sikap keusahawanan dalam diri individu terutamanya dalam kalangan pengusaha wanita Bumiputera.

Kesungguhan kerajaan dalam membantu pengusaha wanita direalisasikan dengan penekanan terhadap faktor modal insan dan daya saing. Dengan penekanan kepada aspek modal insan dan daya saing dalam aktiviti keusahawanan, mampu melahirkan insan yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran serta meningkatkan nilai tambahan seseorang pengusaha dan menjadikan mereka menjadi usahawan yang berjaya. Usaha kerajaan ke arah pembangunan modal insan dan daya saing mampu meningkatkan minat golongan wanita untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan bersaing dengan pengusaha lelaki. Kesinambungan daripada itu, peranan institusi adalah penting dalam membantu meningkatkan modal insan serta daya saing seseorang pengusaha wanita.

Oleh itu, artikel ini membincangkan faktor-faktor modal insan dan daya saing yang mempengaruhi prestasi pengusaha wanita. Hasil dapatan kuantitatif mendapati faktor modal insan dan daya saing adalah mempengaruhi prestasi pengusaha secara signifikan. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan dan mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian kuantitatif tersebut dengan melakukan temubual berstruktur bersama lima orang informan utama yang terdiri daripada pengusaha wanita bumiputera di Melaka.

## Daya saing

Dasar sokongan kerajaan kepada pembangunan masyarakat keseluruhan merupakan perkara yang dititikberatkan bagi menjamin kualiti hidup rakyat. Justeru, salah satu dasar sokongan kerajaan adalah melalui pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang semakin dipergiatkan oleh kerajaan Malaysia terutamanya untuk pembangunan kaum Bumiputera dan kerajaan berusaha untuk meningkatkan penyertaan golongan wanita dalam sektor ini. Di Malaysia, kajian mengenai usahawan wanita masih kurang berbanding di negara barat seperti Amerika dan Kanada. Terdapat beberapa kajian yang berkaitan usahawan wanita seperti yang telah dilakukan oleh Tee Kee Pei (2000), Norsidah (1999), Thuwaibah et.al (2007; 2005), Norbaiti & Ghazali (2010) dan lain-lain, bagaimanapun kurang menekankan kepada faktor modal insan dan pembangunan keusahawanan dalam kalangan kaum wanita kategori Bumiputera.

Peranan institusi dalam menggerakkan sebuah program bagi pembangunan masyarakat adalah penting. Hal ini diakui oleh Chang (2010) yang melihat institusi berperanan sebagai penentu utama kepada prestasi ekonomi serta pembangunan firma. Institusi berperanan sebagai saluran kepada pembangunan ekonomi. Chang & Evans (2005) melihat kewujudan sebuah institusi mampu mendorong

kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara dan masyarakat menjadi bertambah baik. Selain itu, bagi memenuhi objektif pembangunan ekonomi, institusi adalah berperanan dalam memberi peluang pendidikan dan latihan, pelaburan dalam infrastruktur, perindustrian atau pemberian bantuan kewangan dan bukan kewangan yang secara tidak langsung merangsang kepada pembangunan ekonomi (Chang 2010). Justeru, dapat disimpulkan bahawa peranan institusi dan pembangunan ekonomi adalah sangat penting dan saling berhubungan dalam melahirkan dasar dan program yang bersesuaian untuk kejayaan individu, masyarakat dan pembangunan negara. Kesan perubahan terhadap usahawan tidak akan tercapai sekiranya institusi tidak memainkan peranan yang baik dan matlamat kerajaan untuk meningkatkan penyertaan usahawan dalam kalangan wanita Bumiputera tidak akan tercapai tanpa adanya institusi yang memainkan peranan dengan teratur dan sistematik. Dengan adanya peranan institusi, mampu meningkatkan pengetahuan dan kepakaran serta membuka peluang kepada masyarakat (Chang 2010).

Oleh yang demikian, dalam meningkatkan daya saing seseorang, peranan institusi adalah penting. Menurut Yahya dan Norsiah (2006), kelahiran seseorang usahawan adalah perlu diberi perhatian dan dipupuk agar dapat terus memperoleh peluang, bersaing, mengembangkan perniagaan dan seterusnya mampu membuka peluang pekerjaan kepada mereka yang lain. Peranan institusi dalam pembangunan usahawan adalah sangat dipentingkan. Ia adalah bagi melengkapkan seseorang pengusaha itu untuk menghadapi persaingan dalam pasaran dan mampu meneruskan perusahaan yang diusahakan. Pihak institusi perlu menyediakan keperluan sama ada dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan agar pengusaha ini tidak mudah berputus asa dan gagal dalam persaingan. Dalam konteks pembangunan keusahawanan, usahawan Bumiputera sering kali terpinggir apabila mereka tidak mampu untuk bersaing dalam pasaran yang lebih luas. Pengusaha ini menghadapi masalah dari segi mendapatkan modal dan bantuan kewangan, kekurangan peralatan yang sempurna, kelemahan dari segi premis perniagaan yang tidak mempunyai kelengkapan yang baik, kekurangan pengalaman dan perhubungan, sikap pengusaha sendiri, kelemahan dalam memenuhi keperluan dan permintaan pelanggan, apatah lagi untuk bersaing dengan pengusaha yang telah lama berpengalaman dan maju serta mempunyai kepakaran dalam bidang perniagaan masing-masing.

Justeru, bagi melahirkan seorang usahawan yang berdaya saing, peranan institusi dalam usaha memberi bantuan berbentuk kewangan dan bukan kewangan adalah perlu. Di samping itu, pengusaha perlu mempunyai sikap untuk maju tanpa hanya mengharapkan bantuan daripada pihak kerajaan semata-mata bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran yang semakin mencabar dan ia adalah selari dengan konsep keusahawanan yang mana memerlukan ciri-ciri seperti kebolehan, kemampuan dan kecenderungan untuk mencari, mengenal dan merebut peluang-peluang perniagaan tanpa hanya melihat dan membiarkan peluang tersebut hilang. Oleh yang demikian, seseorang pengusaha yang ingin berjaya seharusnya mempunyai daya saing yang tinggi, kreatif dan inovatif serta mempunyai iltizam perniagaan yang tinggi dalam menghasilkan barang atau perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan dan pasaran dan konsep persaingan bukannya memusuhi lawan dengan melakukan sesuatu yang tidak sihat, malah lebih kepada proses penambahanbaikan dan memajukan diri.

## Modal insan

Modal insan merupakan individu yang berilmu, berbakat, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berdisiplin, inovatif, kreatif, progresif, cekal dan berdaya saing (Schultz, 1960; Becker, 1964; Georgi, 2002). Justeru, ia adalah selari dengan pengertian usahawan di mana seorang usahawan yang berjaya dan cemerlang perlu memiliki daya kreativiti yang tinggi, daya berinovasi, moral dan beretika, bersemangat, amanah dan sanggup menanggung risiko (Ab Aziz, 2010). Manakala, pembangunan modal insan merupakan suatu proses yang bertujuan untuk melahirkan jiwa yang bertakwa. Ketiadaan jiwa yang bertakwa, akan mengakibatkan fungsi akal dan fizikal menjadi lumpuh dan menjadikan seseorang itu tidak akan berjaya (Ismahdi, 2008). Justeru dalam pembangunan modal insan, ia adalah memerlukan pelaburan bagi mendapatkan modal insan yang cemerlang dan berkualiti.

Pelaburan dalam modal insan berupaya meningkatkan pendapatan individu dan isi rumah, mengatasi masalah kemiskinan dan sekali-gus mempengaruhi prestasi individu (Katz & Murphy, 1992). Di samping itu, pembentukan modal insan juga turut boleh memberi kesan positif kepada masyarakat dari segi kesan limpahan ilmu pengetahuan yang mewujudkan kesan luaran positif kepada penduduk sesebuah negara. Dalam era liberalisasi dan globalisasi, tingkat pengetahuan dan kemahiran penduduk boleh mempengaruhi kedudukan daya saing pekerja dan ekonomi sesebuah negara. Justeru, negara perlu membuat pelaburan yang secukupnya untuk membangunkan modal insan bagi menghadapi cabaran dan daya saing di peringkat global. Pencapaian modal insan merupakan antara faktor penting yang boleh mempengaruhi perkembangan dan prestasi seseorang. Kemampuan modal insan telah dijelaskan oleh teori modal manusia yang diperkenalkan oleh Mincer (1970), Schultz (1960) dan Becker (1964) yang mana pelaburan kepada pembangunan modal insan mampu menjadikan seseorang individu dan masyarakat menjadi bertambah baik, berjaya dan mampu mengekalkan daya saing dan prestasi (Rahmah 2012; Rosman & Mohd Rosli 2011; Georgi 2002).

Pandangan Georgi (2002) tentang modal insan adalah lebih luas daripada konsep awal yang dikemukakan oleh Schultz (1960) dan Becker (1964) yang lebih menekankan kemahiran kerja hasil daripada pelaburan modal insan (pendidikan, latihan, kesihatan dan penghijrahan). Georgi menekankan aspek kemahiran manusia iaitu keusahawanan dan stok pengetahuan untuk pembangunan modal insan. Keadaan ini menunjukkan di samping aspek modal fizikal seperti tanah, kilang, buruh dan sebagainya, keusahawanan merupakan faktor modal insan yang penting ditekankan untuk pembangunan individu, masyarakat dan negara. Selain itu, menurut Becker (1994), Rosman & Mohd Rosli (2011), Coulter (2003) dan Dyker & Fisher (1992) pembangunan modal insan seseorang pengusaha juga turut terdiri daripada faktor pengalaman, pendidikan, latihan, penglibatan keluarga di samping penerapan nilai murni agama.

Justeru, artikel ini membincangkan faktor modal insan dari sudut pendidikan dan latihan, pengalaman, sokongan sosial dan aspek kreativiti dengan mengambil kira pandangan teori modal insan dari sudut pandangan Georgi (2002), Rosman & Mohd Rosli (2011), Coulter (2003) dan Dyker & Fisher (1992) selain Schultz (1960; 1971) dan Becker (1964) yang menekankan aspek pendidikan dan latihan dalam pembangunan modal insan. Aspek pendidikan memainkan peranan penting dalam memperkembangkan potensi individu sekiranya di beri peluang pendidikan yang secukupnya. Selain itu, latihan diperlukan bagi meningkatkan kreativiti dan kemahiran seseorang. Segala perbelanjaan yang dikeluarkan bagi tujuan pendidikan dan latihan dianggap sebagai pelaburan terhadap pembangunan insan dan mampu meningkatkan produktiviti individu serta perolehan atau upahnya (Schultz, 1960; Becker, 1964; Rahmah, 2012). Menurut Bruwer & Haydam (1996), Hewlett (2002), Fernandez et al. (2000) dan Ishak (2003), pelaburan perbelanjaan ke atas pendidikan formal, latihan semasa bekerja mampu meningkatkan kualiti seseorang. Kesan sesuatu pelaburan modal insan tersebut dapat mempengaruhi prestasi dan kejayaan sesebuah perusahaan khususnya dari segi peningkatan produktiviti dan keuntungan perniagaan (Garcia, 2005; Nedrum & Eriksson, 2001; Fernandez et al., 2000).

Manakala, sokongan sosial dilihat dari sudut sokongan daripada keluarga terdekat selain faktor pengalaman yang dilihat penting dalam menyumbang kepada peningkatan prestasi seseorang pengusaha dalam perusahaan yang diusahakan. Menurut (Rosman & Mohd Rosli, 2011; Noor Zalika, 2013; Firdaus et al., 2009; Ma'rof, Abd Razak dan Nurfazreen Aina, 2012; Norashidah et al., 2009; Coulter, 2003; dan Van Loo & Rocco, 2004). faktor pengalaman dan sokongan sosial mempunyai hubungan yang positif dengan tingkat prestasi seseorang. Pengalaman yang dimiliki oleh seorang pengusaha mampu menjadikan seorang usahawan itu menghadapi persaingan dengan pengusaha lain dengan lebih baik di samping, sokongan daripada pihak keluarga terdekat dalam sesebuah perusahaan mempengaruhi prestasi dalam perniagaan. Raduan et al (2006) menyatakan terdapat hubungan positif antara faktor kejayaan hasil daripada sokongan keluarga sama ada berbentuk kewangan,bukan kewangan, sokongan tenaga atau moral daripada ahli keluarga terdekat. Fairlie & Robb (2007) berpendapat kurangnya sokongan daripada ahli keluarga terdekat dalam perusahaan turut mempengaruhi prestasi perusahaan yang diusahakan.

Di samping itu, aspek kreativiti diperlukan dan menjadi keutamaan terutamanya dalam bidang perniagaan. Kecekapan dan kemahiran diperlukan oleh seseorang pengusaha bagi memastikan perusahaan yang dijalankan itu mencapai prestasi yang baik dan memberi kepuasan kepada para pelanggan. Mohd

Nor Hakimin & Mohd Rafi (2010), Mohd Nor Hidayat (2011) dan Wirtz & Lovelock (2012) menyatakan kreativiti seseorang pengusaha merupakan satu proses dan aktiviti yang berhubungan dengan proses menciptakan sesuatu yang baharu (produk atau perkhidmatan) dan mampu memberi kepuasan kepada pelanggan dengan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Pengusaha perlu sentiasa peka dengan keperluan dan keinginan pelanggan dan keadaan ini mampu menjadikan pengusaha lebih berjaya dan berdaya saing.

Justeru, penekanan terhadap faktor modal insan dan daya saing akan meningkatkan k-economii yang merupakan satu cabang ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Oleh yang demikian, penekanan terhadap faktor modal insan dan daya saing adalah penting memandangkan seorang pengusaha tidak akan berjaya sekiranya hanya berlandaskan kepada bakat semata-mata tanpa menekankan ilmu pengetahuan yang berterusan.

## **Metodologi kajian**

Kajian ini berbentuk penjelasan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Temu bual dilaksanakan terhadap lima orang informan utama dan analisis kandungan digunakan. Temu bual terhadap lima informan tersebut bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan penjelasan terhadap hasil dapatan kuantitatif yang tekah diperoleh. Kaedah dalam mendapatkan penjelasan terhadap hasil dapatan kuantitatif ini telah dijelaskan dalam artikel sebelumnya iaitu kajian ini menggunakan kaedah kajian berbentuk penjelasan berturutan<sup>1</sup>. Penjelasan berturutan adalah bertujuan untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam dan ia dilihat mampu memberikan nilai tambah kepada kefahaman pada peringkat awal iaitu berkaitan dengan faktor signifikan yang mempengaruhi prestasi usahawan wanita dengan penjelasan yang lebih mendalam mengapa faktor-faktor tersebut memperoleh hasil yang signifikan pada pandangan pemikiran usahawan wanita Bumiputera.

## **Dapatan kajian kualitatif**

Berdasarkan hasil dapatan kuantitatif telah mendapati faktor prasarana dan infrastruktur, pendidikan dan latihan, pengalaman, bantuan kewangan dan kreativiti mampu mempengaruhi secara signifikan terhadap peningkatan prestasi usahawan wanita Bumiputera. Seterusnya pengkaji melakukan temu bual bersemuka bersama lima orang usahawan wanita untuk mendalami dengan lebih mendalam berkenaan sebab atau penjelasan golongan usahawan wanita dalam menyatakan mengapa mereka merasakan bahawa faktor-faktor yang diperoleh dari dapatan kuantitatif tersebut memberikan hasil yang signifikan. Justeru, perbincangan ini menjurus kepada penjelasan terhadap lima faktor utama yang menyumbang secara signifikan kepada peningkatan prestasi usahawan wanita Bumiputera iaitu faktor prasarana dan infrastruktur, faktor pendidikan dan latihan, faktor pengalaman perniagaan, faktor bantuan kewangan dan juga faktor kreativiti.

Aspek prasarana dan infrastruktur merupakan faktor yang mempengaruhi prestasi mereka dalam bidang perniagaan yang dijalankan secara signifikan. Berdasarkan analisis kandungan yang dilakukan terhadap hasil temu bual yang diperoleh, kebanyakan responden menyatakan aspek prasarana dan infrastruktur ini merupakan sebab utama yang menentukan kelestarian terhadap perniagaan mereka, iaitu samada perniagaan mereka mampu untuk terus berkembang atau hanya mampu bertahan pada suatu tempoh masa sahaja. Antara aspek prasarana dan infrastruktur yang ditekankan oleh golongan usahawan wanita ini adalah dari sudut premis perniagaan yang strategik, ruang perniagaan yang sesuai serta penggunaan teknologi dari sudut peralatan atau mesin yang terkini. Hal ini kerana, kedudukan premis

<sup>1</sup> Artikel hasil dapatan kuantitatif telah diterbitkan dalam keluaran Geografa issues 5 tahun 2016 bertajuk Faktor pembentukan modal insan dan daya saing usahawan wanita Malaysia: Kajian empirikal wanita bumiputera di Melaka.

yang strategik akan meningkatkan lagi hasil jualan produk mereka kerana produk yang dijual akan lebih mudah untuk mendapat perhatian daripada pelanggan. Oleh sebab itu, sebelum memulakan perniagaan, golongan usahawan ini sebolehnya akan cuba mencari kawasan yang strategik untuk mempromosikan produk mereka.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh pengusaha produk berasaskan kek dan biskut iaitu *Tah Bakery*, beliau menyatakan "...bantuan prasarana seperti barang niaga, kedai yang strategik, mesin-mesin dan peralatan yang sesuai adalah sangat diutamakan...". Beliau kemudian menjelaskan lagi bahawa, "...kedai yang strategik ini penting kerana ramai peniaga yang menjual barang yang sama, jadi untuk bersaing dengan peniaga-peniaga lain, kalau kedai kita strategik, tumpuan itu akan lebih kepada kita berbanding kedai lain...."(2015: temu bual).

Selain itu, menurut *Nor Tailor* "...kedai yang strategik ni memang penting sebab peniaga ni akan cuba untukkekalkan perniagaan mereka, sehingga ada yang sanggup tukar lokasi kedai dari kedai di tingkat atas ke tingkat bawah walau pun harga sewa yang perlu dibayar lebih tinggi daripada kedai di tingkat atas...."(2015: temu bual). Kenyataan ini menunjukkan bahawa kedudukan premis yang strategik adalah sangat penting bagi usahawan untuk mengekalkan kelestarian perniagaan mereka. Hal ini kerana, kedudukan premis yang strategik akan mampu meningkatkan lagi hasil jualan produk mereka dengan meletakkan premis mereka di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai.

Selain itu, aspek keselamatan juga ditekankan sebagaimana dinyatakan oleh *Nor Tailor* "...menjahit di rumah agak terganggu dengan anak-anak bila mereka bermain di ruang saya bekerja, barang-barang tajam macam gunting, pisau, jarum, kadang-kadang tu berselerak atas meja atau ada dekat baju pelanggan, jadi bahaya untuk budak-budak...."(2015: temu bual). Berdasarkan kenyataan ini menunjukkan bahawa sifat keibuan golongan usahawan wanita juga menyebabkan mereka turut mengambil berat tentang isu keselamatan anak-anak dan keluarga sehingga mendorong mereka untuk mencari ruang perniagaan lain yang lebih sesuai selain daripada bermiaga di rumah. Seterusnya adalah keperluan penggunaan kepada teknologi dalam peralatan dan mesin yang terkini. Apabila perniagaan semakin berkembang, permintaan terhadap produk yang diusahakan semakin meningkat. Justeru itu, golongan usahawan memerlukan kepada peralatan atau mesin yang terkini yang mampu untuk meningkatkan penghasilan produk mereka. Hal ini ditegaskan oleh *Tah Bakery* di mana beliau menyatakan bahawa "...sekarang ni saya memang memerlukan mesin yang canggih untuk mengadun, membakar, macam power mixer yang mampu buat adunan yang banyak dalam masa yang singkat, kalau tak ada mesin tu memang saya terpaksa buat kerja yang banyaklah, kena buat kerja yang sama berkali-kali..." (2015: temu bual). Perkara ini dilihat selaras dengan pandangan pemilik Puncak Hallaj, *My Licious Enterprise* dan *Nor Tailor*.

Faktor seterusnya yang menyumbang kepada peningkatan prestasi usahawan wanita Bumiputera adalah dari sudut faktor pendidikan dan latihan. Terdapat dua kriteria utama yang menjelaskan kenapa faktor ini memberi kesan kepada prestasi usahawan iaitu dari sudut kepentingan untuk mendapat ilmu tentang perniagaan yang sesuai dan juga keperluan untuk meningkatkan kemahiran dalam perusahaan. Berdasarkan hasil temu bual untuk berjaya di dalam perusahaan yang diusahakan memerlukan kepada ilmu berkaitan bidang perniagaan. Seseorang usahawan itu tidak akan mampu untuk meneruskan perniagaan jika tidak mengetahui selok-belok tentang bidang perniagaan yang mereka sedang usahakan. Walaupun mereka mempunyai kemahiran dalam jahitan atau memasak, namun bidang perniagaan adalah sesuatu aspek yang berbeza. Hal ini kerana kemahiran menghasilkan produk perlulah diselaraskan dengan kehendak pelanggan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh *Nor Tailor*: "...kita sebagai tukang jahit ni pun tak tahu jenis-jenis kain atau fesyen yang ada dalam pasaran, saya sendiri pun kadang-kadang dapat tahu jenis kain atau fesyen ni dari pelanggan tu sendiri..." (2015: temu bual).

Hal ini menunjukkan untuk berjaya dalam bidang perusahaan yang dijalankan, seseorang usahawan itu tidak hanya boleh mempunyai satu bentuk ilmu pengetahuan sahaja, seperti hanya mempunyai ilmu dari sudut penghasilan produk. Sebaliknya, mereka juga perlu mendalamai ilmu berkaitan bidang yang berkait dengan produk mereka seperti mengetahui pelbagai jenis bahan-bahan mentah, kualiti bahan yang mereka gunakan untuk menghasilkan produk serta pengetahuan tentang trend terkini yang berkait dengan produk mereka. Selain daripada ilmu bidang perniagaan, pengusaha juga menjelaskan pentingnya faktor

pendidikan dan latihan disebabkan oleh keperluan mereka untuk mendalami aspek pengurusan perniagaan. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, aspek bidang perniagaan adalah berkaitan dengan ilmu untuk mendalami bidang tumpuan perniagaan dengan lebih mendalam, sebaliknya ilmu pengurusan perniagaan merupakan satu lagi aspek yang berbeza. Kejayaan dalam perniagaan memerlukan kepada ilmu pengurusan perniagaan yang baik, seperti ilmu dari sudut pengurusan kewangan, pengurusan pekerja atau pengurusan dari sudut masa.

Hal ini dijelaskan oleh Puncak Hallaj yang menyatakan: “....pendidikan pengurusan perniagaan sangat penting, kalau tak ada ilmu atau latihan dalam pengurusan bagaimana perniagaan nak berkembang, macam pendidikan dari segi pengurusan kewangan, nak urus pekerja, nak urus masa dan macam-macam lagi, semua itu kena belajar kalau nak berjaya dalam perniagaan....” (2015: temu bual). Perkara ini jelas menunjukkan aspek pendidikan dari sudut pengurusan perniagaan adalah penting selain daripada kemampuan untuk menghasilkan produk untuk perniagaan sahaja. Selain daripada ilmu berkaitan pendidikan bidang perniagaan usahawan juga perlu kepada ilmu baru dan terkini. Perkara ini dapat dibentuk dengan melalui program latihan keusahawanan yang dianjurkan oleh kerajaan. Antara aspek latihan yang ditekankan oleh responden kajian adalah dari sudut latihan untuk meningkatkan kemahiran terhadap penggunaan teknologi terkini dan juga latihan untuk meningkatkan kemahiran dalam penghasilan produk.

Selain itu, kemahiran dalam menggunakan peralatan atau mesin terkini juga memerlukan kepada latihan sebagaimana yang dinyatakan oleh *Tah Bakery* “...saya memang memerlukan mesin yang canggih untuk mengadun, membakar, macam power mixer yang mampu buat adunan yang banyak dalam masa yang singkat, kalau tak ada mesin tu memang saya terpaksa buat kerja yang banyaklah, kena buat kerja yang sama berkali-kali, ...tapi untuk mahir guna barang baru ni memang kena belajar dulu, kalau tak, bila buat banyak dan tak menjadi kita akan rugi balik sebab banyak bahan yang dah digunakan....”(2015: temu bual). Perkara ini selaras dengan penjelasan dari *Nor Tailor* dan Puncak Hallaj yang menyatakan mereka turut belajar dan berlatih menggunakan mesin sulaman terkini bagi memastikan hasil jahitan menjadi lebih kemas dan mampu memenuhi kehendak pelanggan.

Faktor ketiga yang ditekankan oleh usahawan sebagai penentu kepada peningkatan prestasi mereka dalam bidang perniagaan adalah dengan adanya pengalaman daripada perniagaan. Penjelasan daripada usahawan tentang pentingnya faktor pengalaman ini dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu dari sudut pengalaman untuk memulakan perniagaan dan juga untuk meningkatkan kemahiran dalam perniagaan. Informan yang di temu bual menyatakan untuk memulakan atau mencuebi perniagaan yang lebih besar perlu kepada pengalaman. Sekiranya seseorang usahawan itu terus memulakan perniagaan yang besar tanpa ada pengalaman di peringkat awal, kemungkinan kerugian yang besar akan berlaku pada perniagaan mereka dan seterusnya perusahaan yang diusahakan tersebut terpaksa dihentikan. Hal ini disebabkan mereka tidak mempunyai pengalaman dalam menghadapi perkara tersebut.

Dalam temu bual yang dijalankan terhadap lima orang informan, keseluruhan usahawan wanita yang ditemubual menyatakan pengalaman sememangnya penting dalam memulakan perniagaan. Bagi *Tah Bakery*, beliau mengulas lanjut dengan menyatakan:

“....untuk membesar perniagaan pada peringkat awal memang sangat mencabar dan memerlukan pengalaman, contohnya bila kita nak mula jual produk kita, kadang-kadang kita rasa biskut moden orang akan lebih suka daripada biskut tradisional, tapi bila kita jual kita dapati biskut tradisional lagi laris dari biskut moden, cuba bayang kalau kita terus jual biskut moden dalam jumlah yang banyak dari biskut tradisional, ...kita dah rugi sebab kos nak buat pun dah tinggi, jadi benda-benda macam ini kita kena ada pengalaman....” (2015: temu bual).

Justeru berdasarkan kepada kenyataan tersebut menunjukkan pengalaman sememangnya dititikberatkan oleh usahawan wanita untuk memulakan perniagaan dan pada pandangan mereka untuk memulakan perniagaan usahawan tersebut mestilah mencuba bermiaga secara kecil-kecilan dahulu bagi menimba pengalaman.

Faktor seterusnya adalah dari sudut bantuan kewangan untuk menjalankan perusahaan. Kebanyakan usahawan wanita menjelaskan bahawa faktor bantuan kewangan penting bagi memastikan kestabilan dalam perniagaan atau ingin mengembangkan lagi perniagaan yang diusahakan. Dari sudut kestabilan perniagaan, bantuan kewangan adalah penting untuk memastikan perniagaan yang diusahakan mempunyai modal serta simpanan kewangan yang mencukupi bagi menguruskan perniagaan. Menurut golongan usahawan wanita ini, selalunya bantuan kewangan tidak digunakan sepenuhnya untuk membeli barang bagi memulakan perniagaan, sebaliknya memerlukan sedikit simpanan agar dapat memastikan perniagaan yang diusahakan dirasakan lebih stabil jika masih terdapat simpanan daripada bantuan kewangan yang diberikan.

Menurut pengusaha kedai makanan dan minuman, mereka memulakan perniagaan dengan menggunakan modal sendiri dan juga daripada bantuan kewangan yang diterima daripada pihak kerajaan. Tetapi biasanya bantuan kewangan yang diperoleh tidak digunakan sepenuhnya hanya untuk modal awal ketika memulakan perniagaan, sebaliknya perlu kepada sedikit simpanan sebagai kontingen untuk kestabilan perniagaan sekiranya memerlukan pada masa akan datang atau berlakunya peningkatan harga barang. Sebagaimana yang dijelaskan dalam temu bual yang dijalankan, beliau menyatakan:


“.....saya memang memulakan perniagaan dengan modal sendiri, tapi modal yang ada tu kecil dan tak cukup, ...jadi saya memang memerlukan bantuan modal dari pihak kerajaan untuk *support* perniagaan saya. Selalunya kita minta bantuan tu lebih sedikit, sebab kadang-kadang kita minta hari ni, tapi bila nak dapat bantuan harga barang dah meningkat, kalau ada lebih tu selalunya akan saya simpan untuk keperluan masa depan....” (2015: temu bual).

Kenyataan ini dilihat selaras dengan penjelasan daripada *Tah Bakery* dan puncak Hallaj dan *My Licious Enterprise* yang menyatakan bantuan kewangan dari pihak kerajaan diperlukan untuk mengembangkan lagi perniagaan, di mana pinjaman kewangan yang dibuat adalah bertujuan untuk membeli peralatan dan mesin yang lebih baik.

Faktor terakhir yang signifikan dalam menentukan prestasi usahawan wanita Bumiputera adalah dari sudut faktor kreativiti usahawan itu sendiri. Berdasarkan kepada analisis temu bual responden usahawan wanita, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua aspek utama yang dilihat menjadi penyebab mengapa faktor kreativiti ini mampu untuk mempengaruhi kepada peningkatan prestasi usahawan wanita, iaitu dari sudut mempelbagaikan lagi jenis produk yang dihasilkan dan juga meningkatkan lagi tahap kualiti produk tersebut.

Dari sudut kreativiti dalam mempelbagaikan jenis produk, pada pandangan *Nor Tailor* beliau menjelaskan bahawa “...dalam bidang jahitan, tukang jahit ni memang perlu kreatif. Selain daripada perlu tahu fesyen terkini, kami juga perlu kreatif untuk hasilkan jenama atau keaslian barang kita sendiri....”. Manakala, bagi *Tah Bakery* pula, beliau menyatakan bahawa “....kreativiti ni penting, kadang kek yang dijual tu kek yang sama je dengan kedai lain, tapi bila kita kreatif dan pandai untuk *deco* kek kita bagi menarik dan cantik, pelanggan akan lebih tertarik untuk pilih kek kita, jadi pada saya kreativiti tu memang penting dalam perniagaan saya....” (2015: temu bual).

Berdasarkan penjelasan daripada usahawan wanita tersebut, jelas menunjukkan bahawa kreativiti ini mampu untuk membentuk kepelbagaian jenis produk ke dalam pasaran. Produk yang kreatif dan menarik akan lebih mendapat perhatian dan permintaan daripada pelanggan. Apabila produk yang dihasilkan mempunyai daya kreativiti yang tinggi ia sekaligus mampu untuk meningkatkan tahap mutu dan kualiti produk tersebut. Kebanyakan informan bersetuju bahawa dengan adanya kreativiti dan inovasi ke atas produk akan menyebabkan produk yang dihasilkan menjadi semakin laris dan menarik. Hal ini kerana pelanggan akan beranggapan bahawa produk yang dibuat dengan nilai kreativiti yang tinggi pastinya turut mempunyai tahap kualiti yang baik. Rajah 1 menunjukkan carta alir ringkas penjelasan tentang faktor yang menentukan peningkatan prestasi usahawan wanita Bumiputera.



**Rajah 1.** Carta alir penjelasan tentang faktor penentu kepada peningkatan prestasi usahawan wanita bumiputera

## Perbincangan

Hasil daripada temu bual yang dilaksanakan mendapat terdapat lima faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan prestasi usahawan iaitu dari aspek modal insan dan daya saing. Faktor-faktor tersebut antaranya adalah prasarana dan infrastruktur, pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, bantuan kewangan dan juga kreativiti.

Hasil penjelasan daripada informan turut menegaskan faktor prasarana dan infrastruktur merupakan faktor penting yang mana dapat meningkatkan lagi prestasi mereka. Mereka memerlukan kedudukan premis perniagaan yang strategik, ruang perniagaan yang sesuai serta penggunaan teknologi dari sudut peralatan atau mesin yang terkini dalam mengusahakan perusahaan mereka. Di samping itu, penekanan terhadap faktor pendidikan yang mana mereka menyatakan terdapat dua kriteria utama yang menjelaskan kepentingan aspek pendidikan dan latihan terhadap prestasi usahawan iaitu dari sudut kepentingan untuk mendapat ilmu tentang perniagaan yang sesuai dan juga keperluan untuk meningkatkan kemahiran dalam perusahaan.

Selain itu, faktor pengalaman dalam perniagaan adalah ditekankan oleh pengusaha. Penjelasan daripada usahawan tentang pentingnya faktor pengalaman ini dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu dari sudut pengalaman untuk memulakan perniagaan dan juga untuk meningkatkan kemahiran dalam perniagaan. Manakala, faktor bantuan kewangan untuk menjalankan perusahaan merupakan faktor keempat yang ditekankan oleh pengusaha. Kebanyakan usahawan wanita menjelaskan faktor bantuan kewangan penting bagi memastikan kestabilan dalam perniagaan atau ingin mengembangkan lagi perniagaan yang diusahakan.

Seterusnya, faktor terakhir yang ditekankan oleh pengusaha adalah faktor kreativiti. Berdasarkan kepada analisis temu bual terhadap informan usahawan wanita, dapat disimpulkan terdapat dua aspek utama yang dilihat menjadi penyebab mengapa faktor kreativiti ini mampu untuk mempengaruhi kepada peningkatan prestasi usahawan wanita, iaitu dari sudut mempelbagaikan lagi jenis produk yang dihasilkan dan juga meningkatkan lagi tahap kualiti produk tersebut. Kreativiti diperlukan bagi memastikan kehendak dan keperluan pelanggan dapat dipenuhi dan perusahaan yang diusahakan dapat bersaing dalam persaingan yang sihat dan dapat mengekalkan perusahaan yang diusahakan tersebut.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan terdapat lima faktor yang menyumbang secara signifikan kepada peningkatan prestasi usahawan wanita iaitu yang paling utama ialah faktor prasarana dan infrastruktur, diikuti oleh pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, bantuan kewangan dan juga kreativiti.

Hasil dapatan kajian ini, pemahaman yang lebih mendalam diperoleh tentang penjelasan mengapa golongan usahawan wanita menyatakan bahawa lima faktor tersebut memberikan kesan yang signifikan kepada peningkatan prestasi pengusaha. Justeru, dengan penjelasan daripada usahawan sendiri, membolehkan pengkaji mengetahui kehendak golongan usahawan wanita tersebut dengan lebih mendalam dan pihak institusi berusaha untuk memperkenalkan pelbagai bentuk program dan sokongan bagi tujuan peningkatan prestasi usahawan wanita.

Justeru, adalah diharapkan artikel ini dapat memberi pemahaman yang lebih luas tentang ilmu yang berkaitan dengan keusahawanan dan faktor yang menjadi keutamaan terhadap pengusaha wanita dalam meningkatkan prestasi usahawan dalam perusahaan yang diusahakan. Pemahaman ini akan dapat mewujudkan iklim dan persaingan yang sihat, adil. Justeru, peranan institusi penting sebagai faktor luaran yang mampu untuk menyumbang kepada peningkatan prestasi pengusaha di samping faktor dalaman antaranya modal insan dan daya saing.

## Rujukan

- Ab. Aziz Yusof (2010) *Pengenalan kepada Usahawan dan Keusahawanan*. Scholarmind Publishing, Kuala Lumpur.
- Becker GS (1964) *Human Capital*. National Bureau of Economic Research (NBER), New York.
- Bruwer J De W, Haydam NE (1996) Human Capital Investment: Higher Educational and on the Job Training of the Marketing Practitioner. *South African Journal of Business Management* 27, 1-8.
- Chang HJ, Evans P (2005) The Role of Institutions in Economic Change. In: G. Dymski, S. Da Paula (eds) *Reimagining Growth*, 99-129. Zed Press, London.
- Chang HJ (2010) Institutions and Economic Development: Theory, Policy and History. *Journal of Institutional Economics*, pp.1-26. 10.1017/S1744137410000378.
- Coulter M (2003) *Entrepreneurship in Action*. Prentice Hall, New Jersey.
- Fairlie RW, Robb A (2007) Why a Black-Owned Business Less Successful Than White-Owned Business? The Role of Families, Inheritances and Business Human Capital. *Journal of Labor Economics* 25(2), 289-323.
- Fernandez E, Mauro P (2000) The role of Human Capital in Economic Growth: The Case of Spain. IMF Working Paper. Wp/1000/8: 1-27.
- Firdaus Abdullah, Jamil Hamali, Abdul Rahman Deen, Gluma Saban dan Abg Zainoren Abg Abdurahman (2009) Developing a framework of success of Bumiputera entrepreneurs. *Journal of Enterprising Communities: People and Places in the Global Economy* 3 (1), 8-24.
- Garcia MU (2005) Training and Business Performance: The Spanish Case. *International Journal of Human Resources Management* 16(9), 1961-1710.
- Hewlett R (2002) Integrating Human Capital Concepts in Productivity and Growth Topics. *Journal of Management Research* 2(1), 26-34.
- Isma Addi Jumbri, Mohamad Zahir Zainudin (2011) Pembangunan Modal Insan dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes di Lembaga Zakat Selangor. *Journal of Human Capital Development* 4 (2), 41-56.
- Ismahdi Hj. Ismail (2008) *Pendekatan Agama Perlu Dititikberatkan dalam Modal Insan*. Asnaf 1/2008, m/s: 15. Lembaga Zakat Selangor, Shah Alam.
- Ma'rof Redzuan, Abd Razak Abd Rahman dan Nurfazreen Aina Muhamad Nasharudin (2012) Pembentukan Keupayaan Individu Dalam Kalangan Usahawan Wanita Industri Kecil. *Jurnal Akademika* 82 (1), 57-64.
- Mohd Nor Hakimin Yusoff, Mohd Rafi Yaacob (2010) *Memula dan Mengurus Perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (Perniagaan Kecil dan Sederhana)*, Cetakan Pertama. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Nor Hidayad Hambali (2011) Faktor Bantuan Kerajaan yang Meningkatkan Kejayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera di Sabak Bernam, Selangor (Tesis Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia.
- Nedrum L, Erikson T (2001) Intellectual Capital: A Human Capital Perspective. *Journal of Intellectual Capital* 2(2), 127-135.
- Noor Zalika Mahmad Zuki (2013) *Cabar dan Halangan Membangunkan Usahawan Bumiputera Berjaya*. Kedah.
- Norashidah Hashim, Norasmah Othman, Noraishah Buang (2009) Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan IKS di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 187-204.
- Norbaiti Tukiman, Ghazali Semil @ Ismail (2010) *Cabar dan Faktor Kejayaan Usahawan Wanita Bumiputera Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Negeri Melaka*. Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Norsidah Ahmad (1999) Kajian Mengenai Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan Usahawan-usahawan Wanita Melayu di Lembah Klang. (Projek Sarjana Muda). Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Piazza-Georgi B (2002) The Role of Human and Social Capital in Growth: Extending Our Understanding. *Cambridge Journal of Economics* 26, 461-479.
- Raduan Che Rose, Kumar, Naresh, Lim Li Yen (2006) Entrepreneur success factors and escalation of small and medium-sized enterprises in Malaysia. *Journal of Social Sciences* 2(3), 74-80.
- Rahmah Ismail (2012) *Modal Manusia dalam Pembangunan Ekonomi Memacu Produktiviti dan Daya Saing*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rosman Mahmood, Mohd Rosli Mohamad. (2011) *Perusahaan Kecil dan Dilema usahawan Melayu*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Schultz TW (1960) Investment in Human Capital. *American Economic Review* 51 (1), 1-17.
- Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsudin, Muhammad Firdaus Muhammad Sabri (2014) Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Kejayaan dan Kegagalan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera di Malaysia. *e-Prosiding*, pp191-200. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Suraiya Ishak, Ahmad Raflis Che Omar (2015) Keusahawanan Sosial Sebagai Satu Pendekatan Inovatif Ke Arah Transformasi Sosial Masyarakat: Kajian Kes Di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 11(8), 38-51.
- Tee Kee Pei (2000) *Kajian Penerokaan Terhadap Faktor Yang Mendorong Wanita Menceburi Dalam Bidang Keusahawanan*. (Projek Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Thuaibah@Suaibah Bakar, Azlah Md Ali, Rozeyta Omar, Hishamuddin Md Som, Syaharizatul Noorizwan Mukhtar (2007) *Penglibatan Kaum Wanita dalam Aktiviti Keusahawanan di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritisikal Kejayaan dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan*. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru.
- Van Loo JB, Rocco TS (2004) Continuing Profesional Education and Human Capital Theory. Online Submission, Paper presented at the Academy of Human Resource Development International Conference (AHRD), Austin, TX, Mar 3-7. pp.98-105.
- Wirtz JCP, Lovelock C (2012) *Essential of Service Marketing*. Pearson, Singapore.
- Yahaya Ibrahim, Norsiah Ahmad (2006) Keusahawanan dan Daya Saing Usahawan Melayu di Sektor Pelancongan. *Jurnal Pengajian Melayu* 17, 16-33.

Temu Bual Bersemuka:

- Nor Tailor, 25 Mac 2015.  
Kedai minuman panas dan sejuk, 25 Mac 2015.  
*My Licious Enterprise*, 25 Mac 2015.  
*DikTah Enterprises*, 14 Oktober 2015.  
PuncakHallaj, 18 November 2015.